

04 DEC 2001

BERNARD DOMPOK WAKILI M'SIA KE MESYUARAT TICAD DI TOKYO

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok kini berada di Tokyo, Jepun kerana mewakili Malaysia ke mesyuarat peringkat menteri Persidangan Antarabangsa Tokyo mengenai Pembangunan Afrika (TICAD) yang berlangsung hari ini dan esok.

Menurut kenyataan Setiausaha Akhbar beliau, Thomas Ralon hari ini, mesyuarat itu adalah persediaan TICAD bagi membincangkan mengenai Inisiatif Pembangunan Afrika.

"Mesyuarat itu yang juga pertama kali diadakan akan membincangkan mengenai Pembinaan Infrastruktur untuk Pembangunan; Pelaburan Kemanusiaan; Pembasmian Kemiskinan; Kerjasama Selatan-Selatan; Kerjasama Serantau dan Teknologi Maklumat untuk Pembangunan," katanya.

Menurut kenyataan itu, proses TICAD bermula pada tahun 1993 apabila kerajaan Jepun dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Global Coalition for Africa (GCA) telah menganjurkan TICAD I untuk membantu pembangunan negara Africa melalui perspektif baru iaitu "Mempelajari dari Pengalaman Asia". (Learning from the Asian Experience)

Sebagai susulan kepada TICAD I itu, Asia-Africa Forum I (AAF I) telah diadakan di Bandung, Indonesia pada tahun 1994, manakala AAF II pula telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 1997.

Pada TICAD II yang diadakan pada Oktober 1998 di Tokyo, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berucap bagi mewakili pemimpin Asia dan susulan daripada itu, AAF III telah diadakan di Kuala Lumpur pada 23-25 Mei tahun lepas.

Penyertaan Malaysia ke mesyuarat itu membuktikan komitmen Malaysia untuk berkongsi pengalaman pembangunan dengan negara Selatan-Selatan.

-- BERNAMA
FA AHH FAZ